

FENOMENA EL NINO

El Nino juga akan beri kesan kepada masalah jerebu yang teruk.

Sehingga kini, Che Gayah berkata, belum ada petunjuk konklusif menunjukkan fenomena El Nino yang bakal berlaku tahun ini adalah lebih teruk berbanding insiden 1998.

"Ada saintis yang membuat andaian itu, namun semuanya masih terlalu awal (untuk menyatakan tentang perkara ini)," katanya.

Justeru, beliau meminta semua pihak supaya bersedia menghadapi musim kering kelak.

"Dari segi persediaan, saya percaya, syarikat bekalan air dan pelbagai agensi lain mempunyai prosedur operasi standard (SOP) masing-masing bagi mengurangkan impak El Nino," katanya.

Malaysia pernah alami El Nino 12 kali

Malaysia pernah dilanda El Nino sebanyak 12 kali sebelum ini, dengan yang terburuk pada tahun 1982, 1983, 1997 dan 1998.

Cuaca paling panas yang pernah direkodkan di negara ini ialah 40.1

darjah Celsius iaitu ketika El Nino pada tahun 9 April 1998 di Chuping, Perlis.

Tahun 1998 merupakan tahun yang merekodkan suhu tertinggi terbanyak dengan 50 peratus daripada rekod suhu tertinggi dicatatkan.

Pada tahun itu juga, negara-negara Asia Tenggara iaitu Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand turut merasai impak yang sama.

Cuaca panas juga meningkatkan kes penyakit sensitif iklim seperti taun, demam denggi dan malaria.

Kesan fenomena ini juga tertumpu kepada sekitar di mana, krisis bekalan air di Lembah Kelang dan masalah jerebu menjadi isu besar.

Keadaan panas mendorong kepada proses sejatan daripada kawasan tadahan air. Ia akan menyebabkan krisis bekalan air, manakala, jerebu pula disebabkan kebakaran hutan yang tidak mampu dikawal.

Cuaca panas sekarang, bukan El Nino lagi

Secara umumnya, negara kita masih belum mengalami episod El Nino, namun Jabatan Meteorologi Malaysia memantau secara rapi perkembangan fenomena El Nino dari semasa ke semasa.

Keadaan akan menjadi buruk sekiranya negara dilanda El Nino dalam kategori kuat yang boleh menyebabkan jerebu teruk dan tebal. Ini akan memberi kesan terutama kepada kesihatan, sektor pertanian, sektor penerbangan dan aktiviti luar."

- Che Gayah

Orang ramai dinasihatkan banyak minum air semasa cuaca panas dan kering berlaku.

"Malaysia kini sedang mengalami musim kering disebabkan musim Monsun Barat Daya. Ini bukan kerana El Nino kerana peningkatan suhu dan musim kering memang akan berlaku pada musim ini, sama ada berlaku El Nino atau tidak.

"Dalam tempoh ini, taburan hujan berkurangan secara mendadak dan ini menyebabkan suhu juga meningkat sedikit," katanya.

Maznorizan berkata, model-model iklim di seluruh dunia menjangka episod El Nino ini akan bermula antara bulan Jun hingga September 2014 dan akan memuncak pada akhir tahun.

Awal tahun ini, negara sebelum ini dikejutkan dengan musim panas kering yang mengakibatkan krisis bekalan air di Lembah Klang dan Selangor.

Kesemua empangan di Selangor berhadapan masalah penurunan paras air takungan termasuk tiga empangan yang paling kritikal iaitu Empangan Klang Gates, Empangan Sungai Selangor dan Empangan Langat.

Selangor dan Lembah Klang terpaksa menghadapi catuan air yang lanjutan sehingga tiga bulan dan berakhir pada 1 Mei lalu.

Pengarah Bahagian Korporat dan Komersial, Jabatan Meteorologi, Maznorizan Mohamad berkata, cuaca panas dan sedikit kering di alami oleh negara sekarang ini adalah disebabkan negara kita sedang berada di fasa musim Monsun Barat Daya.

"Cuaca panas merekodkan purata suhu maksimum di kebanyakan tempat berada pada 32 ke 35 darjah Celsius, namun ada beberapa lokasi seperti di Kuala Krai, Subang, Termeloh dan Sri Aman mencatatkan suhu 36 dar-

jah Celsius.

"Peningkatan suhu ini disebabkan Monsun Barat Daya yang bermula pada 15 Mei lalu," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini.


Beliau berkata, El Nino hanya akan berlaku apabila anomali purata suhu permukaan laut di kawasan Khatulistiwa Lautan Pasifik tengah dan timur adalah melebihi 0.5 darjah Celsius daripada biasa bagi sekurang-kurangnya lima bulan berturut-turut.

INFO

Kesan El Nino di Malaysia

- Krisis bekalan air
- Kemarau
- Empangan kering
- Kebakaran hutan
- Jerebu
- Tanaman kering
- Denggi meningkat
- Masalah kesihatan

Fenomena El Nino di Malaysia



El Nino terjadi kerana peningkatan suhu daripada paras biasa.

Empangan akan menerima kesan langsung daripada perubahan cuaca ini.